

KUBELA AKUARIUM BAK SUNGAI

Hiasan menarik boleh digunakan untuk beri kesan positif kepada ikan hiasan, serta pemilik

FOKUS

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediaprima.com.my

Trend dalam kalangan peminat ikan hiasan masa kini adalah menjadikannya sebagai haiwan kesayangan bersama dekorasi tumbuhan hidup.

Ia seolah-olah menterjemah habitat asal hidupan air berkenaan di dalam akuarium pelbagai saiz.

Pemilik bersama sebuah syarikat akuarium tempatan, Ezzad Emmir berkata, trend dekorasi akuarium yang pelbagai sememangnya menjadi tarikan ramai peminat haiwan kesayangan hidupan air kerana ia mempunyai aura tersendiri.

Bukan sahaja memberi kesan positif kepada pemilik malah hidupan air yang menghuni akuarium berkenaan.

Jelasnya, terdapat pelbagai konsep dekorasi akuarium yang menjadi pilihan pengguna pada hari ini seperti 'iwagumi' yang

berinspirasi kesenian taman batu Jepun dan China dengan elemen bukit batu, tasik dan kehijauan.

"Selain itu, gaya sungai antara konsep lain yang mendapat sambutan peminat ikan hiasan di dalam akuarium kerana ia mencipta suasana habitat hidupan air di dalam sungai yang sebenar seperti mempunyai ranting atau kayu, batu-batu sungai dan juga pasir.

"Antara lain yang boleh dikatakan menjadi tumpuan adalah jenis gaya 'sand waterfall' iaitu mencipta air terjun berpasir di dalam akuarium bersama tumbuh-tumbuhan berdaun di sekelilingnya. Ia menjadikan dekorasi di dalam akuarium tampak lebih semula jadi bersama hidupan air di dalamnya," katanya.

Ezzad berkata, dekorasi di dalam akuarium atau dikenali sebagai 'aquascape' memerlukan kreatif dan mempunyai ketelitian untuk merias akuarium bersandarkan konsep yang sudah dipilih.

Ia bukan sekadar perlu memastikan hidupan air seperti ikan atau udang berada dalam persekitaran sihat malah kesihatan tumbuhan yang diletakkan bersama juga perlu diambil kira.

Jelasnya, trend aquascape menjadi kegunaan peminat haiwan kesayangan hidupan air kerana ia menguji kemampuan kreatif mewujudkan tema atau konsep hiasan yang dipilih masing-masing.

"Bagi yang meminati aquascape, mereka memberi penekanan kepada beberapa elemen yang pertama pastinya mengenai ekosistem di dalam air itu selamat untuk hidupan air dan tumbuhan selepas mendapat sentuhan dekorasi.

"Ini kerana secara umumnya setiap elemen yang diletakkan di dalam akuarium mampu memberi kesan kepada kualiti air terutama kealkalian (pH).

"Selain itu, pencahayaan juga turut diberi keutamaan kerana ia bukan sahaja mampu menjadikan tumbuhan yang ditanam di dalamnya sihat malah memberi aura keindahan tersendiri," katanya.

Katanya, antara tumbuhan yang mudah dijaga di dalam akuarium yang menjadi pilihan ramai ialah Anubias, Java fern, Sagittaria subulata, Limnophila sessiliflora atau Egeria najas.

> 34



dekorasi semula jadi yang berbeza antaranya memilih tumbuhan yang sesuai dengan jenis air berkenaan.

"Selain itu, mereka juga perlu memastikan hidupan air seperti ikan, udang atau siput yang menghuni di dalamnya adalah berasal dari habitat air masin atau air tawar. Jika tersalah memilih jenis hidupan air ini, pastinya jangka hayat haiwan air terbabit tidak berpanjangan," katanya.

Antara mempunyai suhu terbaik. Ikan tropika umpamanya, suhu di dalam air berkadar antara 24 hingga 28 darjah Celcius. Ketika musim sejuk atau hujan suhu air boleh menurun dan akan menjadi punca kepada penyakit ikan.

"Oleh itu, bagi mengelakkan perkara ini berlaku, alat pemanas air boleh digunakan apabila perlu. Jika cuaca terlalu panas pula, pemilik perlu memastikan keadaan sekeliling dilindungi daripada terus menerima

pancaran matahari.

"Untuk bacaan pH air pula, air berskala neutral adalah pH yang selamat untuk semua ikan iaitu sekitar 7.2. Manakala bacaan jumlah kejituan terlarut (TDS) pula antara 120ppm hingga 180ppm. Cara untuk mendapat kondisi ini, garam akuarium perlu digunakan sebanyak setengah sudu kecil dicampurkan ke dalam 28 liter air bersamaan akuarium bersaiz satu kaki persegi," katanya.

Ezzad mengakui mungkin kedegaran terlalu kompleks bagi mereka yang kali pertama mengetahui berkenaan aquascape.

"Tetapi jika sudah memulakannya, kebanyakan individu pemula terus menerokai hobi ini kerana ia bukan sahaja menguji kreativiti malah penggunaan teknologi akuarium perlu bagi memastikan jangka hayat elemen hidupan di dalam air itu bertahan lama.

"Malah, ia juga bukanlah sesuatu hobi yang terlalu mahal bagi pemula tetapi memerlukan kerajinan untuk memantau keadaan hidupan air. Kemudian apabila ingin menerokai teknologi landskap yang lebih mewah pastinya memerlukan pengeluaran kos yang lebih," katanya.



Malah, ia juga bukanlah sesuatu hobi yang terlalu mahal bagi pemula tetapi memerlukan kerajinan untuk memantau keadaan hidupan air. Kemudian apabila ingin menerokai teknologi landskap yang lebih mewah pastinya memerlukan pengeluaran kos yang lebih

EZZAD EMMIR



AKUARIUM kelihatan seperti di dalam sungai yang sebenar.

DARI MUKA 33


"Manakala bagi ikan perhiasan air tawar yang popular seperti tetra, platy, guppy, cichlid dan arowana. Ikan air masin yang sering menjadi pilihan antaranya clown fish, blue tang, damsel, lion fish dan puffer," katanya.

Tambahnya, peminat aquascape juga tidak hanya tertumpu kepada memiliki hidupan air tawar sahaja malah tahap kreativiti mereka juga berkembang kepada hidupan air masin.

"Kedua-kedua jenis hidupan air ini iaitu air masin dan air tawar memerlukan pemilihan

KENAL PENGHUNI, JAGA SUHU

Pemilik perlu sesuaikan haiwan belaan selain pastikan suhu akuarium menggunakan alat pemanas



ANTARA dekorasi bahan buatan yang comel di dalam akuarium.



AKTIVITI membersihkan air di dalam akuarium penting untuk menjaga kualiti air.



ANTARA barangan dekorasi di dalam akuarium yang dijual.



dari habitat asal yang perlu dilatih untuk makan palet. Ia sememangnya mengambil masa untuk melatih ikan berkenaan," katanya.

Tambahnya, Peacock bass boleh dianggap dewasa sekiranya sudah mencecah saiz melebihi 0.3 meter dan ke atas. Bagi ikan yang sudah dewasa kebiasaannya perlu diberi makanan tiga hari sekali. Manakala, jika masih kecil perlu diberi makanan setiap hari.

"Dari segi tumbesaran ikan ini agak lambat dan disebabkan itu harganya agak mahal apabila semakin besar. Jadi, sebagai peminat ikan ini sememangnya satu kepuasan apabila dapat melihat ia membesar di depan mata.

"Meskipun mustahil untuk mendapat saiz seperti di habitat asal kerana dibela di dalam akuarium tetapi proses pembesarannya tetap berlaku secara sederhana," katanya.

Katanya, mengenai penjagaan ikan ini amat sensitif pada suhu yang rendah di bawah 20 darjah Celcius. Sekiranya suhu rendah akan memberi kesan kepada peredaran darah yang menjadi rendah.

"Apabila hal ini berlaku, Peacock bass tidak mahu makan makanan yang diberikan dan kemudian ikan ini akan mati. Jadi, keadaan suhu amat penting untuk dipantau.

"Namun, bagi kita di Malaysia tidak menjadi masalah kerana suhu sentiasa panas. Sekiranya musim hujan sahaja perlu memastikan ikan ini berada pada tahap suhu yang sesuai," katanya.

Katanya, meskipun Peacock bass sejenis ikan predator dan bersifat agresif tetapi ia agak takut dengan manusia dan cepat melarikan diri jika diganggu. Sifat pergerakan agresif ikan itu antara menjadi tarikan untuk menjadikannya sebagai ikan peliharaan.

Meskipun mustahil untuk mendapat saiz seperti di habitat asal kerana dibela di dalam akuarium tetapi proses pembesarannya tetap berlaku secara sederhana
NADZRIN


daripada habitat asalnya," katanya.

Menjelas perkara itu katanya, Peacock bass yang berasal dari habitat asal dijual lebih rendah harganya kerana ia tidak mudah untuk dijaga memandangkan ikan itu sukar untuk dilatih memakan makanan jenis palet dan hanya memilih makanan hidup seperti serangga dan anak ikan saja.

"Manakala jenis yang ditenak dijual sedikit tinggi kerana ia lebih mudah untuk dijaga kerana sudah dilatih untuk makan palet sejak dari kecil. Seperti saya mempunyai tiga spesies yang dibeli dari penternak iaitu Blue Azul, Kalberi dan Orino. Manakala, spesies Monoculus berasal



PEACOCK Bass ikan predator yang mempunyai peminat tersendiri.



AIR di dalam akuarium perlu sentiasa dalam keadaan suhu yang sesuai.

IKAN PREDATOR

Peacock bass buruan pemancing, jadi pilihan penternak ikan hiasan

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@medi-
aprima.com.my

memelihara ikan ini.

Bagi peminat Peacock bass tempatan, Nadzrin Zariffudin, 36, dia mula memiliki haiwan itu sejak 2021 dengan mempunyai spesies Blue azul dan Kalberi yang beli daripada penternak pada harga masing-masing RM60 dan RM80 seekor.

Katanya, kedua-dua spesies dalam keluarga Peacock bass itu ketika dibelinya hanya sebesar 0.2 meter (8 inci) iaitu masih remaja. Manakala pada tahun berikutnya, Nadzrin membeli dua lagi spesies dalam keluarga ikan berkenaan iaitu Kelberi dan Monoculus yang sudah dewasa iaitu bersaiz lebih 0.3 meter (12 inci) pada harga antara RM250 hingga RM300 seekor.

"Saya sememangnya meminati ikan predator dan mempunyai impian untuk memiliki semua spesies Peacock bass Namun, ia sesuatu yang mustahil kerana sukar untuk didapati di pasaran.

"Selain itu, ikan ini bukan berasal dari Malaysia dan ia juga mempunyai harga yang agak mahal sekiranya dibeli daripada penternak kerana lebih mudah dijaga berbanding yang ditangkap

Ikan liar air tawar ini bukan sahaja menjadi buruan pemancing ketika melontarkan joran malah ia menjadi kegilaan mereka yang mengetahui mengenai keunikannya.

Antara keunikannya, mempunyai biji mata hitam melingkar kemerahan di tepinya dan corak badan yang pelbagai menjadikannya begitu istimewa. Malah, ikan ini juga mampu membesar sehingga 0.91 meter (36 inci).

Dikenali sebagai Peacock bass atau nama saintifiknya CichlaOcellaris, ia adalah ikan predator yang berasal dari Brazil dan Florida di Amerika Syarikat.

Ikan ini dikatakan mempunyai 16 spesies secara keseluruhannya di seluruh dunia.

Warnanya pula seperti ombre putih kekuningan atau jingga kehitaman. Terdapat juga corak berbintik kehitaman di badan ikan berkenaan menjadikannya begitu unik dalam kalangan mereka yang gemar

PEACOCK Bass spesies Monokulus.